



ABDULLAH mengajak penyokong BN berdiri dan bertepuk sambil bersorak 'BN menang' sebelum memulakan ucapan.



SEBAHAGIAN daripada 12,000 petugas jentera pilihan raya BN Selangor khusyuk mendengar amanat Abdullah di Stadium Tertutup Malawati, Shah Alam malam tadi. - Gambar oleh David Khoo

'Wakil rakyat mesti sanggup jadi kuli'

Oleh Kadir Dikoh dan Minarni Mat Saad

SHAH ALAM: Wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang dipilih pada pilihan raya umum kali ini, mesti menganggap diri sebagai kuli rakyat, bekerja dengan rakyat, bukan hendak menjadi tuan mereka, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, mereka yang diambil sebagai calon untuk bertanding, tidak perlu berasa megah diri dan harus bersedia untuk bekerja, bersedia turun ke bawah membela nasib rakyat.

"Untuk jadi calon nanti bukan untuk kemegahan diri. Yang dipilih untuk jadi wakil rakyat adalah semua kuli, yang bekerja untuk rakyat, bukan nak menjadi tuan. Kita mahu mereka yang sedia bekerja, sedia untuk turun ke bawah walaupun terpaksa harungi banjir, kawasan berlumpur kerana kita mesti memahami penderitaan rakyat yang nakkan (mahukan) pertolongan.

"Kejayaan BN sebenarnya banyak bergantung kepada kemampuan, kebolehan, kerelaan dan peranan wakil rakyat yang setia kepada pengundi yang mahu bekerja untuk mereka.

"Mudah-mudahan cara kita ini akan membawa perubahan dalam masyarakat kita. Kita akan dapat sokongan jika kita tunjuk kita rela bekerja demi untuk rakyat," katanya berucap pada Majlis Pelancaran Jentera Pilihan Raya BN Negeri Selangor di Stadium Tertutup Malawati di sini, malam tadi.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood; Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Setiausaha Agung BN, Tan Sri Khalil Yaakob; Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib serta pemimpin parti komponen peringkat negeri ini.

Abdullah memulakan ucapan de-



ngan meminta semua hadirin bangun dan melaungkan "Barisan Menang" sebanyak tiga kali dan tindakan itu diulangi sekali lagi pada akhir ucapan selama 30 minit yang dilayangkan bersama kira-kira 12,000 penyokong BN.

Beliau yang juga Pengerusi BN dan Pemangku Presiden Umno berkata, dalam pilihan raya yang menang ialah parti kerana calon cuma alat tetapi parti mesti menang.

"Kita daripada rakyat dan kepada rakyat kita berkhidmat. Apa yang kita laksanakan nanti, insya-Allah akan disokong. Insya-Allah dalam pilihan raya nanti. Bekerjalah dengan penuh semangat. Apabila Pak Lah kata kerja kuat, Pak Lah pun kena kerja kuat. Inilah erti kita bekerjasama.

"Saya kapten, saya masuk dalam padang, main sama, letih sama. Inilah bentuk kepemimpinan BN yang amat diperlukan. Kita tetap bekerjasama dengan rakyat, tetap turun ke bawah untuk menemui mereka," katanya.

Beliau yakin hubungan baik sesama parti komponen BN akan menjadi sumber kekuatan dan kejayaan dalam pilihan raya.

Malah katanya, ketika soal pengagihan kerusi untuk ditandingi, dibincangkan sebelum ini, semua parti komponen menunjukkan kerjasama yang baik tanpa sebarang ugutan jika tidak diberikan kerusi yang diminta.

"Saya bimbang pada mulanya, takut bergaduh. Tetapi tiada parti komponen buat ugutan seperti untuk keluar BN, tiada cakap seperti itu. Yang ada satu fahaman bersama untuk memastikan bahawa hubungan baik da-

lam BN itu, mesti dikekalkan demi perpaduan yang sentiasa wujud dalam BN.

"Tolong menolong, bertolak ansur, sama ada Umno, MCA, MIC, Gerakan, PPP, parti dari Sarawak dan Sabah, saya lihat semakin baik. BN berada pada tahap cukup kuat untuk menghadapi pilihan raya ini," katanya.

Apa yang penting, katanya, semua jentera parti hendaklah digerakkan dan parti masing-masing diuruskan dengan sebaik mungkin bagi melicinkan lagi proses pilihan raya.

"Kita mesti mengurus parti kita dengan baik, kerja dengan tekun, rasa tanggungjawab dan setiap daripada kita hendaklah menjalankan tugas serta sumbangan kita untuk kemenangan perjuangan kita," katanya.

Pada akhir majlis itu, Abdullah mengeluarkan keris dari sarung dan kemudiannya menyampaikan bendera BN kepada 22 pemimpin BN bahagian sebagai simbolik pelancaran serentak jentera pilihan raya di seluruh negeri itu.



ABDULLAH dikerumuni ribuan penyokong BN sebaik tiba di pintu Stadium Tertutup Malawati.



SEBAHAGIAN ahli Puteri Umno berdiri ketika menyanyikan lagu 'Barisan Nasional'.



ABDULLAH bersama pemimpin BN selepas menyampaikan bendera kepada 22 Pengerusi Gerak Kerja Jentera Pilihan Raya Bahagian.